

04 MAY 1997

DR MAHATHIR ALUKAN KEMENANGAN BLAIR DALAM PILIHAN RAYA BRITAIN

GABORONE (Botswana), 4 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengalu-alukan kemenangan parti Buruh pimpinan Tony Blair dalam pilihan raya umum Britain baru-baru ini.

Perdana Menteri berkata Malaysia berharap mendapat kerjasama daripada kerajaan baru pimpinan Blair, sebelum ini perdana menteri baru Britain itu telah beberapa kali bertemu dengan Dr Mahathir.

Sambil menyifatkan Blair sebagai seorang yang ramah, beliau berkata perdana menteri baru Britain itu boleh bekerjasama dengan Malaysia.

"Kemenangan parti Buruh itu amat mengejutkan berdasarkan majoriti yang diperolehi. Nampaknya rakyat British betul-betul menolak tolak parti Konservatif pimpinan John Major," kata beliau ketika ditanya mengenai kemenangan parti Buruh itu. --BERNAMA

ES RI